



SG Digital

Kit Permulaan
MyTransport.SG

TAHUKAH ANDA?




Nikmati perancangan tanpa gangguan untuk perjalanan anda dengan menggunakan maklumat masa nyata dan pemberitahuan yang dikhususkan daripada aplikasi MyTransport.SG!

LANGKAH 1 Pasang Aplikasi MyTransport.SG di telefon bimbit anda


Pergi ke **Apple App Store** atau **Google Play Store** untuk muat turun **MyTransport.SG App** dan lancarkan aplikasi tersebut.

1. Untuk pengguna iOS, ketik 'Get' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android, ketik 'Install' (pasang) untuk muat turun aplikasi.

LANGKAH 2 Masukkan Alamat, Perhentian Bas atau Nombor Bas untuk merancang perjalanan anda




3. Ketik kotak carian.




4. Masukkan **alamat** yang anda hendak pergi dan ketik alamat yang betul daripada senarai cadangan.

ATAU



5. Masukkan **nombor hentian bas** dan ketik hentian yang betul daripada senarai cadangan.


ATAU




6. Masukkan **nombor bas** dan ketik bas yang betul daripada senarai cadangan.

LANGKAH 3


Pilih Perjalanan Pilihan anda




7a. Untuk **pengangkutan awam**, pilih mod pengangkutan pilihan anda (bas sahaja, MRT sahaja, atau gabungan).



7b. Ketuk pilihan anda untuk melihat laluan perjalanan di peta.



7c. Ketik dan tahan pada bar dan leret ke atas untuk mengakses butiran perjalanan.



8. Untuk **mod memandu**, ketik ikon kereta. Leret ke kanan dari bawah skrin untuk melihat laluan yang berbeza.

Petua keselamatan siber



- Sentiasa kemas kini **peranti** dan aplikasi anda untuk memastikan ia selamat daripada ancaman keselamatan yang diketahui.
- Benarkan akses ciri perkhidmatan lokasi secara **terpilih**. Kongsi lokasi hanya dengan orang yang anda percayai.
- **Lumpuhkan (Disable)** pilihan yang membolehkan aplikasi berkongsi lokasi anda bagi pihak anda.